

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (24)

Tarikh : 12 September 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 4 /2019

PENAMBAHBAIKAN SYARAT KELAYAKAN MASUK DALAM STANDARD PROGRAM: KOMPUTERAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling MQA Bil. 2/2016 – Pindaan Syarat Kelayakan Masuk dalam Standard Program bertarikh 17 Ogos 2016.

2. Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerima cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengkaji semula syarat kelayakan masuk ke program Sarjana Muda Sains Komputer dan Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) yang memerlukan pencapaian kredit/kepujian dalam mata pelajaran Matematik Tambahan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

3. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada panel pakar bidang dan pihak berkepentingan, MQA telah menetapkan agar **kredit/kepujian dalam mata pelajaran Matematik Tambahan di peringkat SPM atau setara dikekalkan** sebagai syarat kelayakan masuk ke program Sarjana Muda Sains Komputer dan Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian **dengan penambahan pilihan kelayakan masuk lain** seperti yang diperincikan dalam **Lampiran 1**.

4. Penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan calon pelajar mempunyai kompetensi asas yang mencukupi untuk mengikuti program serta bagi memastikan graduan yang dihasilkan adalah berkualiti dan menepati keperluan industri pembangunan perisian negara.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap syarat kelayakan masuk yang telah ditambah baik ini **berkuat kuasa bermula daripada tarikh Surat Pekeliling ini.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR

STANDARD PROGRAM: KOMPUTERAN

PENAMBAHBAIKAN SYARAT KELAYAKAN MASUK

SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
<p>SARJANA MUDA</p> <p>Sarjana Muda dalam Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian</p> <p>i. Lulus program Matrikulasi atau Kursus Asas dengan minimum PNGK 2.00 dan kredit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM atau setara dengannya;</p>	<p>SARJANA MUDA</p> <p>Sarjana Muda dalam Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian</p> <p>i. Lulus program Matrikulasi atau Kursus Asas atau yang setara dengan minimum PNGK 2.00 atau lulus STPM atau yang setara dengan minimum gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana 2 mata pelajaran dan kredit dalam mata pelajaran berikut pada peringkat SPM atau setara dengannya:</p> <p>a) Matematik Tambahan; atau</p> <p>b) Matematik dan salah satu mata pelajaran Sains, Teknologi atau Kejuruteraan.</p> <p>Nota: Calon bagi kategori i b) perlu mengikuti mata pelajaran pengukuhan Matematik dengan topik yang bersesuaian dengan bidang Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian pada awal pengajian.</p> <p>Pelajar wajib lulus mata pelajaran pengukuhan Matematik tersebut sebagai prasyarat sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan. Walau bagaimanapun, ketetapan ini tidak menghalang pelajar untuk mengikuti kursus lain sama ada teras atau bukan teras yang tidak mensyaratkan mata pelajaran pengukuhan Matematik tersebut.</p>

SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
<p>ATAU</p> <p>ii. Lulus STPM atau yang setara, dengan minimum Gred C (NGMP 2.00) dalam sebarang 2 mata pelajaran dan kredit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM atau setara dengannya;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Diploma dalam Sains Komputer ATAU Kejuruteraan Perisian ATAU Teknologi Maklumat ATAU Sistem Maklumat atau yang setara dengan minimum PNGK 2.5 dan kredit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM atau setara dengannya. Calon dengan PNGK bawah 2.50 tetapi lebih daripada 2.00 dengan kredit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM atau setara dengannya, boleh diterima masuk tertakluk kepada proses penilaian dalaman yang rapi;</p> <p>ATAU</p>	<p>Kredit bagi mata pelajaran pengukuhan Matematik adalah merupakan kredit tambahan kepada mata pelajaran teras dan boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduat.</p> <p>Keperluan mata pelajaran pengukuhan Matematik boleh dikecualikan jika proram Matrikulasi atau Kursus Asas atau yang setara dengannya menawarkan mata pelajaran Matematik dan pencapaiannya adalah setara/lebih daripada keperluan kredit mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM;</p> <p>ATAU</p> <p>ii. Lulus STPM dalam aliran Sains atau yang setara, dengan minimum Gred C (NGMP 2.00) dalam satu mata pelajaran Matematik dan satu mata pelajaran Sains/ICT;</p> <p>ATAU</p> <p>iii. Diploma dalam Sains Komputer ATAU Kejuruteraan Perisian ATAU Teknologi Maklumat ATAU Sistem Maklumat atau yang setara dengan minimum PNGK 2.5;</p> <p>ATAU</p>

SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM	PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN
<p>iv. Sebarang Diploma dalam sains dan teknologi dengan minimum PNGK 2.50 boleh diterima masuk tertakluk kepada proses penilaian dalaman yang rapi dan Kredit dalam mata pelajaran Matematik Tambahan pada peringkat SPM atau setara dengannya.</p> <p>Nota: Syarat kredit dalam Matematik Tambahan pada peringkat SPM bagi calon (i), (ii), (iii) atau (iv) boleh dikecualikan jika kelayakan tersebut mengandungi mata pelajaran Matematik dan pencapaiannya setara/lebih daripada keperluan kredit mata pelajaran tersebut pada peringkat SPM. Calon yang mendapat kredit dalam subjek yang berkaitan komputeran pada peringkat SPM atau STPM atau yang setara dengannya boleh diberikan pertimbangan utama.</p>	<p>iv. Sebarang Diploma dalam sains dan teknologi dengan minimum PNGK 2.50.</p> <p>Nota: Calon bagi kategori iii dan iv dengan PNGK bawah 2.50 tetapi lebih daripada 2.00 boleh diterima masuk tertakluk kepada proses penilaian dalaman PPT yang rapi.</p>